Pelan peralihan kuasa Perdana Menteri

Keputusan demi kesinambungan pentadbiran Kerajaan PH

BH - 23/2/2020 m/s: 2

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my



Dr Mahathir bersalaman dengan Anwar *selepas sidang media mesyuarat Majlis Presiden PH di Bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, kelmarin.* (Foto BERNAMA)

Teka-teki mengenai keputusan 'mesyuarat besar' Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) malam kelmarin sudah terjawab. Keempat-empat parti komponen PH sebulat suara sudah bersetuju tarikh peralihan kuasa jawatan Perdana Menteri ditentukan sendiri oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sebelum ini dinamakan sebagai calon Perdana Menteri kelapan, mengambil pendirian 'bersabar'. Mungkin itu keputusan terbaik kepada kesinambungan pentadbiran kerajaan yang diterajui PH buat masa ini, khususnya dalam keadaan situasi politik yang didakwa tidak menentu dan berkocak akibat isu peralihan kuasa selama ini.

Walaupun ramai yang menantikan pengakhiran mesyuarat yang berlangsung sehingga hampir tengah malam itu, akan ada jawapan kepada persoalan 'siapa dan bila', sidang media Dr Mahathir mengumumkan keputusan mesyuarat Majlis Presiden PH sudah tentu disifatkan antiklimaks kerana tidak menjawab soalan dinantikan.

Malah, keputusan peralihan kuasa yang dipersetujui berlaku selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dijadualkan November ini juga membuka luas interpretasi masing-masing bilakah ia akan berlaku. Bagi pihak yang neutral sudah tentu mahu ketentuan satu tarikh ditetapkan bagi peralihan kuasa itu kerana dikatakan ketidaktentuan politik yang menyebabkan banyak masa terbuang dalam kecelaruan politik tanpa fokus kepada cabaran utama dihadapi negara, iaitu ekonomi.

Ramalan awal dan spekulasi media kononnya akan berlaku undi tidak percaya dan akan ada parti yang keluar daripada PH pada mesyuarat itu juga jelas meleset.

Walaupun mesyuarat dikatakan tegang kerana empat parti komponennya mempunyai pendirian yang berbeza dan masing-masing mahu hak mereka dipertahankan, khususnya berhubung tarikh peralihan kuasa dan siapa calon pengganti, akhirnya kematangan politik yang menang.

Menurut sumber dalaman parti ketegangan berlaku disebabkan pertembungan 'dua kem', iaitu sekumpulan mendesak supaya satu tarikh khusus dimeterai bagi memberi laluan kepada peralihan kuasa dilaksanakan, manakala sebelah pihak lagi menyokong Dr Mahathir kekal menyandang jawatan Perdana Menteri.

> ***Walaupun ada perbezaan pendapat dan banyak berdebat, akhirnya keputusan sebulat suara yang menentukan kelangsungan PH sebagai parti pemerintah.***
>
> ***Kamarul Zaman Yusoff,*** *Penganalisis politik*

Ia dikatakan bermula apabila seorang pemimpin kanan PKR mempersoalkan kesepakatan mesyuarat pra-Majlis Presiden supaya polemik peralihan kuasa antara Dr Mahathir dan Anwar dibincang secara tertutup oleh kedua-dua pemimpin.

Keadaan bertambah hangat apabila seorang lagi pemimpin kanan PKR mencadangkan Dr Mahathir diberi kepercayaan untuk kekal selama sepenggal berbanding tempoh dua tahun yang dipersetujui sebelum ini, namun beberapa pemimpin lain membantah. Malah, pada suatu ketika dikatakan seorang pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) memberi amaran supaya Dr Mahathir tidak ditekan untuk berundur.

Difahamkan, campur tangan Anwar ketika itu berjaya menenangkan keadaan supaya Dr Mahathir diberi kepercayaan untuk menerajui negara dan diberi kuasa mutlak untuk menentukan bila peralihan kuasa sepatutnya berlaku.

Bercakap kepada media pada satu majlis, semalam, Anwar turut mengakui berlaku ketegangan pada mesyuarat itu, namun menyifatkan ia sebagai perkara biasa dan sebahagian daripada proses demokrasi dan kebebasan bersuara dalam kalangan parti komponen PH.

Penganalisis politik, Dr Kamarul Zaman Yusoff mengakui sumbernya turut memaklumkan ada desakan supaya Dr Mahathir menetapkan tarikh peralihan kuasa pada mesyuarat itu.

"Walaupun ada perbezaan pendapat dan banyak berdebat, akhirnya keputusan sebulat suara yang menentukan kelangsungan PH sebagai parti pemerintah," katanya.

Beliau tidak menolak kemungkinan dalam tempoh sembilan bulan lagi sehingga berlangsung APEC, pelbagai perkara boleh berlaku dan isu peralihan kuasa pasti akan terus ditimbulkan dan menjadi perdebatan.

Nasihat beliau, Anwar perlu mengawal penyokongnya supaya akur dan tidak menentang arus. Langkah itu sudah pun diambil Anwar semalam, yang mengingatkan penyokongnya dan tidak akan membenarkan mana-mana pimpinan PKR mengkritik atau mengecam keputusan itu.